



KESIMPULAN

KESIMPULAN

Masyarakat pada masa kini telah mempunyai kesedaran yang amat tinggi terhadap pengamalan Sistem Perbankan Islam. Mereka menyambut banyak setiap program atau produk baru yang diperkenalkan di dalam SPI. Ini bertepatan dengan perkembangan ekonomi Islam yang semakin pesat di negara ini.

Malaysia merupakan satu-satunya sebuah negara yang mempunyai dwi sistem perbankan, di mana Sistem Perbankan Konvensional dan Sistem Perbankan Islam sama-sama berdiri untuk membantu negara mencapai satu sistem kewangan yang stabil lagi utuh. Pelbagai prasarana yang dilengkapi dengan instrumen kewangan yang sistematik dan pengubalan akta telah berjaya menyakinkan masyarakat terhadap penggunaan produk yang terdapat di pasaran.

Walau bagaimanapun, penerangan yang lebih terperinci perlu dipergiatkan lagi secara menyeluruh dan pendedahan perlu turut dilakukan untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira perbezaan agama, bangsa dan keturunan. Selain daripada itu juga, segala teknik kewangan Islam dan segala jalan penyelesaiannya perlu diperhebatkan lagi demi untuk bersaing dengan institusi-institusi kewangan konvensional yang lain di dalam menghadapi cabaran persaingan yang hebat di dalam arus globalisasi pada masa kini.

Sistem perbankan dan kewangan Islam terutamanya di BMMB yang berasaskan kepada perkongsian untung dan rugi adalah sesuai sebagai alternatif lain untuk menggantikan sistem perbankan dan kewangan konvensional yang berasaskan kepada unsur bunga atau riba. Di samping itu juga, kajian semula perlu dilakukan ke atas akta pemaju perumahan oleh pihak kementerian yang bertanggungjawab agar ia dapat disesuaikan dengan perjalanan Skim Perbankan Islam yang dilaksanakan pada hari ini. Jika tidak, maka pelaksanaan Skim Perbankan Islam ini hanya akan menjadi suatu penipuan kepada pelanggan sahaja.

Mekanisme *al-Bay' Bithaman Ājil (BBA)* yang dimalkan di BMMB merupakan antara langganan paling popular dikalangan pelanggan¹ terbesar dan terbanyak di dalam SPI. Ini membuktikan bahawa SPI telah mula mendapat kepercayaan di hati rakyat negara tanpa mengira agama dan bangsa. Oleh itu, kadar keuntungan yang masih dianggap tinggi sekalipun ia adalah halal, adalah sangat wajar diturunkan pada kadar yang lebih rendah dan munasabah, supaya tidak timbul unsur penindasan harga ke atas para pelanggan.

Sesungguhnya mekanisme *al-Bay' Bithaman Ājil (BBA)* ini boleh mengambil alih tempat urus niaga pinjaman konvensional yang melibatkan riba. Penurunan kadar keuntungan boleh menjadi satu galakan dan dorongan yang boleh menarik minat para pelanggan untuk menggunakan skim ini, seterusnya ia dapat membuktikan bahawa

¹ Temubual dengan Encik Saiful Anuar Hambali, pegawai bahagian pembangunan produk BMMB, pada 11/2/2002 bertempat di Ibu pejabat BMMB Kuala Lumpur.

urus niaga yang melibatkan muamalah Islam adalah lebih banyak daripada sistem konvensional.

Semoga dengan terhasilnya kajian ini akan dapat membantu para pembaca memahami dengan sebanyaknya tentang prosedur yang terlibat di dalam pelaksanaan skim *BBA* ini, di samping dapat menambah pengetahuan para pembaca di dalam menghayati pelaksanaan Sistem Perbankan Islam ini.